

[Komentari 1]

Apa ialah Parti Komunis

Pendahuluan

Lebih daripada lima ribu tahun, bangsa Cina telah beradab di atas tanah subur yang dialiri Sungai Kuning dan Sungai Yangtze. Pada masa yang panjang itu, dinasti banyak bertukar ganti dan kebudayaan Cina yang cemerlang telah dicipta. Kisah-kisah yang mengagumkan dan menyayat hati telah dimainkan di panggung sejarah China.

Tahun 1840, dianggap oleh sejarawan sebagai permulaan era moden China, juga tanda bermulanya perjalanan dari abad tradisional menuju era moden. Semenjak itu, peradaban Cina telah melalui lebih kurang empat episod cabaran dan reaksi. Tiga episod yang pertama meliputi cabaran-cabaran yang dibentuk daripada pencerobohan Beijing oleh perikatan tentera Inggeris-Perancis pada awal 1860, perang China-Jepun (disebut juga “Perang Jiawu”) pada tahun 1894, dan perang Rusia-Jepun di Timur Laut China pada tahun 1906. Menghadapi tiga episod cabaran ini, reaksi China ialah mengimpot peralatan dan senjata moden (iaitu pergerakan kebaratan), reformasi keinstitutionian melalui gerakan Reformasi Seratus Hari [1] pada tahun 1898 dan usaha untuk melaksanakan undang-undang perlembagaan pada akhir Dinasti Qing, dan seterusnya, Revolusi Xinhai (ataupun Revolusi Hsinhai) pada tahun 1911. [2]

Pada hujung Perang Dunia Pertama, walaupun China adalah salah satu negara pihak pemenang, tetapi pada masa itu tidak disenaraikan dalam golongan negara-negara kuasa besar. Ramai masyarakat China menganggap reaksi terhadap ketiga-tiga episod tersebut telah mengalami kekalahan, dan oleh sebab itulah munculnya “Gerakan 4 Mei” [3], gerakan episod keempat yang merupakan satu reaksi lapisan terakhir, lapisan lingkungan kebudayaan, yang berakhir dengan modenasi kebaratan secara menyeluruh dan sepenuhnya, melalui revolusi yang melampau, iaitu pergerakan komunis.

Yang dipentingkan dalam petikan ini adalah akibat daripada reaksi episod terakhir, iaitu gerakan komunis dan Parti Komunis terhadap peradaban China. Menganalisa akibatnya, sama ada semua itu dipilih oleh China ataupun dipaksa daripada luar, setelah China melalui 160 tahun sejarah, hampir sejuta orang mati secara tak normal dan hampir semua kebudayaan dan peradaban Cina dimusnahkan.

I. Bergantung kepada Kekerasan dan Keganasan untuk Merebut dan Mempertahankan Kekuasaan

“Komunis beranggapan tidak perlu menyembunyikan pandangan dan tujuan mereka. Mereka mengumumkan bahawa tujuan mereka hanya dapat dicapai dengan menggunakan kekerasan menggulingkan seluruh sistem sosial yang sedia ada” [4] ,Manifesto Komunis diakhiri dengan sedemikian. Kekerasan ialah taktik Parti Komunis untuk memperoleh kekuasaan, dan juga merupakan taktik yang paling utama Parti Komunis. Sifat-sifat ini telah ditetapkan dan diturunkan ke semua bahagian Parti sejak kelahiran parti tersebut.

Sesungguhnya, Parti Komunis di dunia yang pertama didirikan setelah beberapa tahun kematian Karl Marx. Tahun kedua setelah Revolusi Oktober 1917, “Parti Komunis Rusia (Bolshevik)”, yang kemudiannya dikenali sebagai “Parti Komunis Soviet Union”, didirikan secara rasmi. Parti Komunis ini berkembang dengan menggunakan kekerasan melawan “musuh kelas” dan setelah itu mempertahankan kewujudannya dengan menggunakan kekerasan terhadap anggotanya dan rakyat biasa. Tahun 1930 ketika Stalin melakukan pembersihan dalaman, Parti Komunis Soviet membunuh lebih daripada 20 juta orang yang disebut sebagai pengintip dan pengkhianat, serta orang yang dianggap mempunyai pendapat yang berbeza.

Parti Komunis China (PKC), semasa didirikan sudahpun sebagai satu cabang Komunis Antarabangsa Ketiga yang dikawal oleh Parti Komunis Soviet, maka dengan semulajadinya telah mewarisi tradisi kekerasan seperti itu. Semasa perang saudara pertama antara Komunis dan Kuomintang dari tahun 1927 hingga 1936, jumlah penduduk daerah Jiangxi menurun daripada 20 juta sehingga lebih kurang 10 juta. Kemusnahan yang diakibatkan oleh PKC dengan penggunaan kekerasan boleh dilihat ternyata dari angka tersebut.

Jika dikatakan bahawa penggunaan kekerasan tidak dapat dihindari ketika perebutan kekuasaan politik, maka tidak pernah ada sebelumnya sebuah rejim yang begitu gemar melakukan pembunuhan seperti Parti Komunis China terutamanya pada waktu damai. Sejak tahun 1949, angka kematian akibat pembunuhan secara kejam oleh PKC telah melebihi jumlah kematian semasa perang 30 tahun sebelumnya (1921-1949).

Dalam hal ini, contoh yang terbaik ialah Khmer Rough Kemboja yang didukung sepenuhnya oleh PKC, setelah merebut kekuasaan lantas membunuh satu per empat daripada penduduk Kemboja, termasuklah antaranya majoriti kaum berketurunan Cina dan juga perantauan Cina. Bahkan sampai kini Komunis China masih menghalang pengadilan Khmer Rough secara terbuka oleh masyarakat antarabangsa, tujuannya adalah untuk menutupi peranan jahat yang dimainkannya.

Memang rejim-rejim kezaliman dan pasukan ahli revolusi bersenjata yang paling kejam di dunia, juga mempunyai hubungan rapat dengan PKC. Selain Khmer Rough, Parti Komunis di Indonesia, Filipina, Malaysia, Vietnam, Myanmar, Laos, dan Nepal, juga semuanya didirikan atas dukungan dan sokongan PKC. Banyak antara pemimpin parti-parti Komunis ini ialah orang Cina, sebahagian daripada mereka sehingga hari ini masih bersembunyi di China.

Parti Komunis lain yang menganut dan menjunjung Ideologi Mao ialah Shining Path daripada Afrika Selatan dan Tentera Merah Jepun, yang terkenal dengan kekejamannya dan dikutuk oleh masyarakat dunia.

Salah satu sumber teori komunisme ialah teori evolusi. Parti Komunis menerapkan persaingan spesies ke dalam pertarungan kelas evolusi sosial. Parti Komunis menganggap perjuangan kelas adalah satu-satunya kekuatan penggerak dalam kemajuan perkembangan sosial maka pertarungan menjadi “kepercayaan” utama bagi parti komunis dalam memperolehi kekuasaan politik dan mempertahankan

hidup. Kata-kata terkenal Mao “800 juta orang, apakah boleh jika tidak bertarung?” secara terang menyatakan logik kehidupan seperti ini.

Kenyataan Mao lain yang juga terkenal ialah, “Revolusi Kebudayaan, harus diadakan setiap tujuh atau lapan tahun” [5]. Berulang-ulang menggunakan kekerasan adalah merupakan cara utama Parti Komunis dalam mempertahankan kekuasaan politik. Tujuan menggunakan kekerasan, adalah bagi mencipta dan menghasilkan suasana ketakutan. Setiap gerakan pergelutan adalah untuk membuat latihan ketakutan, agar rakyat gentar dan tertakluk sehingga menjadi hamba ketakutan di bawah penguasaan PKC.

Dewasa kini, isu keganasan telah menjadi musuh utama bagi peradaban manusia dan dunia bebas. Namun, penggunaan keganasan dan kekerasan oleh PKC, dengan system negara, skalanya semakin besar dan semakin lama semakin bengis. Dalam abad ke-21 ini, kita tidak harus lupa, sifat-sifat PKC akan memainkan peranan dalam menentu nasibnya di masa depan.

II. Menggunakan Kebohongan untuk memberi alasan atas kekerasannya

Salah satu daripada petanda pengukuran taraf peradaban umat manusia ialah kadar penggunaan kekerasan dalam pentadbiran. Dengan penggunaan kekerasan, rejim Komunis secara jelas mewakili satu langkah mundur yang besar dalam peradaban manusia. Namun, Parti Komunis telah kelihatan seperti membangun oleh mereka yang percaya penggunaan kekerasan adalah proses yang mesti dan harus dilalui untuk mencapai kemajuan masyarakat.

Ini tidak boleh dinafikan bahawa ia merupakan buah hasil praktik PKC dalam pembohongan dan penipuan. Justeru, menipu dan berbohong menjadi satu lagi sifat yang diwarisi parti komunis.

“Sejak kecil kita menganggap Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang disukai. Kita percaya bukan saja kerana Amerika Syarikat tidak menjajah China, dan tidak pernah menggerakkan peperangan mencero bohi China. Sebenarnya orang Cina mempunyai tanggapan yang baik terhadap Amerika Syarikat berdasarkan sikap masyarakat Amerika Syarikat yang demokratik dan terbuka”.

Petikan ini berasal daripada rencana pengarang yang diutarakan oleh suratkhbar rasmi PKC, Harian Xinhua, 4 Julai 1947. Tiga tahun kemudian, PKC menghantar tenteranya berperang dengan pasukan Amerika Syarikat di Korea Utara, lantas menggambarkan orang Amerika Syarikat sebagai imperialisme yang paling jahat di dunia. Setiap orang yang berasal daripada daratan China, akan sangat terkejut apabila membaca rencana pengarang ini yang ditulis lebih daripada 50 tahun yang lalu, sehinggakan PKC memeriksa dan melarang buku-buku terbitan ulangan yang berhubungan dengan rencana tersebut.

Sejak berkuasa, PKC selalu menggunakan cara yang sama untuk menghancurkan kontra-revolusi (1950-1953), “kerjasama” antara perusahaan umum dan swasta (1954-1957), gerakan anti-kanan (1957), Revolusi Kebudayaan (1966-1976), peristiwa 4 Jun Tiananmen (1989) dan yang terbaru, penindasan terhadap Falun Gong. Antaranya yang terkenal ialah penindasan terhadap para intelektual pada tahun 1957. PKC menggalakkan para intelektual agar mereka memberi pendapat mereka kepada PKC, namun setelah itu mereka ditindas sebagai “golongan kanan”, pendapat mereka dijadikan sebagai bukti jenayah. Ketika orang mengkritik penindasan tersebut sebagai konspirasi gelap, Mao membuat pengumuman: “Itu bukan konspirasi gelap, tetapi strategik secara terbuka”. Penipuan dan kebohongan telah memainkan peranan yang sangat penting bagi PKC dalam memperoleh dan mempertahankan kekuasaannya. Sejak dahulu salah satu kepercayaan kaum intelektual China ialah sejarah. China adalah suatu negara yang mempunyai catatan sejarah yang paling panjang dan paling sempurna, kerana orang Cina mahu menggunakan sejarah untuk menilai kenyataan, hingga mencapai peningkatan rohaniah peribadi dengannya. Oleh sebab itu, menyembunyikan dan mengubah fakta sejarah juga menjadi cara utama rejim PKC agar tetap berkuasa. Dalam propagandanya, PKC telah mengubah fakta sejarah, mulai daripada awal masa negara-negara berperang Chunqiu (770 – 476 SM), hingga yang terakhir Revolusi Kebudayaan, semuanya diputarbelitkan dan diubah, dilakukan selama lebih daripada 50 tahun tanpa henti, bahkan segala usaha untuk mengembalikan wajah kebenaran sejarah telah dihalangi dan dimusnahkan. Apabila kekerasan sahaja tidak memadai untuk mengukuhkan kedudukannya, PKC harus menipu dan berbohong untuk memberi alasan pada kekerasannya. Kebohongan adalah satu segi lain daripada kekerasan dan merupakan alat bagi memberi alasan pada kekerasan. Kita harus mengakui, penipuan dan kebohongan bukan dicipta oleh Parti Komunis China, itu hanya kelakuan bangsat yang telah ada sejak dahulu dan digunakan secara meluas oleh PKC tanpa malu. PKC berjanji akan memberikan tanah kepada petani, berjanji memberikan kilang kepada pekerja, berjanji memberikan kebebasan dan demokrasi kepada kaum intelektual dan berjanji memberikan kedamaian. Tidak satu pun daripada janji-janji ini terlaksana dan ditunaikan. Satu generasi orang Cina yang dibohongi telah mati dan satu generasi berikutnya terus beriarria dengan janji-janji bohong. Ini adalah kepedihan paling besar bagi orang Cina, juga adalah malapetaka besar bagi bangsa Cina.

III. Pendirian dan Prinsip yang Selalu Berubah

Pada acara perdebatan di televisyen ketika pemilihan presiden Amerika Syarikat tahun 2004, salah satu calon presiden berkata, manusia boleh sering mengubah pandangannya terhadap masalah tertentu, tapi tidak boleh selalu mengubah prinsipnya dalam memandang masalah, jika tidak, orang tersebut bukanlah orang yang boleh dipercayai. [6] Kenyataan ini amatlah jelas.

Parti Komunis ialah contoh yang tipikal. Semenjak didirikan selama 80 tahun yang lalu, PKC telah mengubah undang-undang partinya sebanyak 16 kali dalam 16 kali pertemuan perwakilan negara, di samping itu, setelah 50 tahun merebut kekuasaan politik, PKC telah lima kali mengubah perlembagaan China.

Impian dan cita-cita Parti Komunis ialah kesamarataan sosial sehingga menjadi masyarakat komunis. Namun kini, China yang dikuasai oleh Parti Komunis ialah negara terparah di dunia dengan masalah paling serius dalam jurang perbezaan kaya dan miskin. Banyak anggota parti telah menjadi kaya-raya, sementara lapan ratus juta rakyat China terkepit di dalam kancah kemiskinan.

Teori ideologi PKC, pada mulanya berkembang daripada Marxisme, ditambah pemikiran Mao, ditambahkan lagi teori Deng dan terakhir, teori “Tiga Wakil” Jiang. Antaranya Marxisme dan Ideologi Mao sama sekali tidak ada sangkut paut sedikit pun dengan teori Deng dan “Tiga Wakil” Jiang; arah jalan yang ditempuh berlawanan sama sekali, perbezaannya juga sangat besar, namun yang hairannya teori-teori ini masih digunakan oleh PKC dan merupakan suatu hal yang jarang dalam sejarah manusia.

Parti Komunis tidak mempunyai ibu pertiwi, daripada gagasan integrasi global yang melampaui batasan negara sehingga kini menjadi nasionalisme yang melampau; daripada penghapusan pemilikan peribadi dan penghapusan kelas eksploitasi hingga kini mengajak kapitalis masuk parti. Prinsip dasarnya yang mengarah ke selatan namun dibawa ke utara (bertukar-tukar) ini merupakan suatu hal yang lumrah saja. Dalam upaya mempertahankan kekuasaannya, prinsip yang dipertahankan kemarin boleh dilepaskan hari ini, kemudian hari esok berubah lagi, hal ini bahkan ditemui di mana-mana saja. Namun apa-apa pun perubahannya, tujuan komunis sangat jelas, iaitu merampas dan mempertahankan kekuasaan politik dan tetap menguasai masyarakat secara mutlak.

Dalam sejarah PKC, sudah lebih daripada berpuluh-puluh kali terjadinya apa yang disebut sebagai gerakan pergelutan “hidup mahupun mati”. Pada kenyataannya, semua itu hanyalah merupakan pergelutan dalaman ketika terjadinya perubahan pendirian dan prinsip.

Perlu dijelaskan bahawa, setiap kali terjadinya perubahan pendirian dan prinsip, adalah berpunca daripada krisis kesahihan pemerintahan PKC dan mempertahankan kewujudannya. Kerjasama dengan Parti Kuomintang, polisi luar negeri yang pro-Amerika Syarikat, reformasi ekonomi dan perluasan pasaran, atau mempromosikan nasionalisme, semuanya berlaku pada maasa krisis dan ada kaitan dengan perebutan dan pemantapan kekuasaan. Kitaran berkala “penindasan dan kemudiannya pemulihan reputasi” adalah berkenaan dengan perubahan dalam prinsip PKC.

Pepatah barat ada mengatakan bahawa kebenaran adalah abadi, manakala kebohongan akan berubah selamanya. Ada kebijaksanaannya di sebalik pepatah ini.

IV. Melenyapkan Sifat Manusiawi dan Menggantikannya dengan Sifat Parti

PKC ialah rejim autoritarian yang bercirikan Leninisme. Pada awal pendirian PKC, telah ditentukan tiga jalur pokok iaitu jalur politik, jalur intelektual dan jalur organisasi. Jalur politik adalah untuk menentukan tujuan, jalur intelektual untuk pembentukan falsafah parti, dan jalur organisasi untuk melaksanakan pencapaian tujuan dengan format organisasi yang ketat.

Tuntutan utama terhadap anggota Parti Komunis dan penduduk dalam masyarakat komunis ialah kepatuhan secara mutlak, inilah isi keseluruhan daripada apa yang disebut jalur organisasi.

Di China, orang ramai memahami bahawa, anggota Parti Komunis umumnya memiliki ciri-ciri khas dua keperibadian. Dalam kehidupan peribadi, anggota Parti Komunis memiliki sifat manusiawi biasa seperti perasaan gembira, marah, sedih, senang, juga memiliki kelebihan dan kekurangan seperti orang biasa. Mungkin mereka ialah ayah, suami, ataupun teman. Namun, di atas semua ini adalah sifat parti yang paling diutamakan. Sifat Parti Komunis jauh melebihi sifat manusiawi mengikut tuntutan parti. Sifat manusiawi adalah relatif, sedangkan prinsip parti adalah mutlak, tidak boleh diragui dan tidak boleh dilawan sama sekali.

Semasa Revolusi Kebudayaan, banyak terjadinya peristiwa orang tua dan anak saling menyakiti, suami dan isteri saling menyerang, guru dan murid saling melapor kepada parti, ini ialah akibat berfungsinya sifat parti. Pada peringkat awal, jika ada anggota keluarga PKC yang dikategorikan sebagai musuh kelas dan ditindas, pegawai tinggi sekalipun tidak mampu berbuat apa-apa, contoh yang demikian sangat banyak, semua kerana dipandu sifat parti.

Sifat parti yang sangat kuat menguasai individu. Itu adalah berkat latihan jangka panjang oleh organisasi Parti Komunis. Latihan seperti ini dimulai sejak zaman kanak-kanak lagi. Dalam pendidikan zaman kanak-kanak, walaupun standard jawapan yang diberikan tidak padan dengan pengetahuan umum dan sifat anak-anak, namun memenuhi standard penilaian parti merupakan standard bagi memperoleh keputusan cemerlang. Pendidikan politik yang bermula daripada sekolah menengah hingga universiti, yang dipelajari adalah harus mematuhi jawapan standard yang diberikan oleh parti, jika tidak, maka tidak akan lulus mahupun memperoleh ijazah.

Seseorang anggota parti, tidak kira apa pandangan yang dibincangkan secara peribadi dengan anda, namun, sekiranya berbicara di depan umum dan memberi reaksi, anggota parti harus tetap konsisten dan sebulat suara dengan organisasi PKC. Organisasi PKC ini berbentuk dari atas hingga ke bawah, dan akhirnya bersatu menjadi puncak piramid besar, dengan kekuasaan sentral di puncak mengawal keseluruhan hirarki. Struktur yang unik ini merupakan gambaran rejim PKC, sesuatu yang dapat menghasilkan kepatuhan yang mutlak.

Pada ketika ini, Parti Komunis China telah berubah wajah menjadi kelompok politik yang mempertahankan keuntungan peribadi, sudah tidak ada lagi tujuan memperjuangkan cita-cita komunis, namun prinsip organisasi tetap tidak berubah, tuntutan terhadap sifat parti tidak pernah berubah. Parti ini, dengan menempatkan dirinya di atas semua umat manusia dan sifat manusiawi, menyingkirkan semua organisasi lain mahupun perseorangan yang dianggap menggugat kekuasaannya, tidak kira orang itu ialah rakyat biasa ataupun pemimpin tinggi PKC.

V. Roh Jahat yang Menentang Alam dan Menentang Sifat Manusiawi

Segala makhluk hidup alam semuanya memiliki kitaran lahir, tumbuh, tua dan mati.

Berbeda dengan rejim komunis, semua masyarakat bukan komunis, bahkan yang berada di bawah pemerintahan totalitarian keras dan dictator sekalipun, masyarakatnya masih mempunyai organisasi yang ditubuhkan sendirinya dan dibiarkan berkembang dan menentukan nasib sendiri. Masyarakat China kuno sebenarnya diperintah dibawah struktur dualisme, perkampungan berkembang sendirinya dengan berpusatkan suku kaum, sedangkan daerah kota berkembang dengan berpusatkan persatuan-persatuan. Manakala struktur pemerintahan kerajaan tidak melampaui peringkat dibawah daerah.

Totalitarian sosial masa kini yang paling jahat selain komunis, misalnya rejim Nazi, masih memberi hak milik hartanah dan hak milik peribadi. Tetapi rejim komunis melenyapkan semua organisasi sosial dan sebarang parti yang berdikari dan berstatus sendiri, menggantikan dengan struktur pemusatan kekuasaan secara total dari atas ke bawah.

Jika dikatakan keadaan masyarakat sebelumnya adalah tumbuh dari bawah ke atas, suatu keadaan masyarakat yang bertumbuh dan terjadi secara semulajadi, maka kekuasaan politik komunis adalah suatu keadaan masyarakat yang melawan alam.

Dalam komunisme, tidak ada standard sifat manusia umum seperti belas kasih, baik serta rakus dan jahat; undang-undang dan prinsip menjadi standard yang boleh diubah sesuai mengikut kehendak parti. Tidak boleh membunuh orang, melainkan musuh yang ditentukan oleh parti. Hormat kepada orang tua, melainkan orang tua musuh kelas. “Kemuliaan, etika, kesopanan, kebijaksanaan dan kepercayaan” adalah baik, tetapi tidak berlaku ketika parti tidak ingin atau tidak mahu. Sifat kemanusiaan pada umumnya diputarbalikkan secara total, maka komunisme memang menentang sifat kemanusiaan.

Semua masyarakat bukan komunis kebanyakan mengakui dua aspek sifat kemanusiaan, iaitu baik dan jahat yang wujud bersama; kemudian menggunakan ikrar atau perjanjian tetap untuk mencapai keseimbangan dalam masyarakat. Komunis tidak mengakui sifat manusiawi, tidak mengakui kebaikan dalam sifat manusiawi, juga tidak mengakui kerakusan dan kejahatan dalam sifat manusiawi. Membasmi konsep baik dan jahat ini, menurut perkataan Marx, adalah secara total memutarbalikkan struktur pembinaan kelas atas dunia lama.

Parti Komunis tidak percaya pada Tuhan, bahkan juga tidak menghargai segala makhluk alam, “menentang alam, menentang bumi, menentang manusia, penuh dengan keseronokan tiada taranya”. Ini adalah merupakan motto Parti Komunis sewaktu Revolusi Kebudayaan. Berperang dengan alam bertarung dengan bumi, mencelakakan rakyat dan menjalankan pelbagai maksiat.

Orang-orang China secara tradisional mempercayai penyatuan antara Langit (alam) dan manusia. Laozi berkata dalam *Dao De Jing*, “Manusia mengikut bumi, bumi mengikut langit, langit mengikut Dao, dan Dao mengikut alam semulajadi.” [7] Manusia dan alam ialah suatu keadaan alam semesta yang berkesinambungan.

Komunis adalah juga satu kehidupan, tetapi pengingkarannya yang menentang alamiah, menentang langit, menentang bumi dan menentang manusia, merupakan suatu roh jahat yang mengingkari alam semesta.

VI. Ciri-ciri Khas Kerasukan Roh Jahat

Organisasi Parti Komunis sendiri tidak pernah mengambil bahagian dalam kegiatan pengeluaran mahupun kegiatan penciptaan kreatif. Setelah mengambil alih kekuasaan, mereka merasuk ke dalam masyarakat, mengawal dan memanipulasi rakyat, mengawal ketat unit-unit paling kecil dalam masyarakat agar tidak kehilangan kuasa, juga memonopoli sumber-sumber pengeluaran yang ada dalam masyarakat agar dapat menghisap sumber kekayaan.

Di China, PKC berada di mana-mana dan mengendalikan apa-apa jua pun, namun tidak ada orang yang pernah melihat belanjawan kewangan organisasi PKC, yang ada hanya belanjawan untuk negara, belanjawan kerajaan setempat dan belanjawan perusahaan. Daripada kerajaan pusat sampai kepada sistem pemerintahan desa, pegawai pentadbiran selalu berpangkat lebih rendah daripada pegawai parti, dan kerajaan harus mematuhi perintah dan tertakluk kepada organisasi parti yang sama peringkat. Perbelanjaan kewangan parti adalah dibiayai dan dilaporkan ke dalam bahagian pentadbiran pemerintahan.

Organisasi PKC adalah bagaikan roh jahat besar yang merasuk, sama seperti bayangan yang merasuk ke dalam setiap unit sel masyarakat China, dengan saluran penghisap darahnya, mendalami setiap kapilari darah halus dan setiap unit sel masyarakat, lantas mengawal dan memanipulasi masyarakat.

Struktur merasuk yang aneh ini, dalam sejarah umat manusia, kadang kala muncul di sebahagian masyarakat, dan kadang kala terjadi dalam seluruh masyarakat untuk jangka yang pendek, namun begitu, tidak pernah ada terjadinya seperti dalam masyarakat komunis yang begitu menyeluruh, lama, tetap stabil dan mencengkeram.

Oleh sebab itulah, kaum petani China hidup dalam kemiskinan dan penderitaan parah. Mereka bukan sahaja harus menanggung beban untuk membiayai pegawai negara malahan juga begitu banyak pegawai parti yang merasuk.

Oleh sebab itulah, terjadi kejadian pekerja-pekerja China diberhentikan secara besar-besaran, kerana saluran penghisap darah PKC ada di mana-mana saja, selama ini terus-menerus menghisap kekayaan perusahaan.

Oleh sebab itulah, kaum intelektual China begitu sukar untuk memperoleh kebebasan demokrasi, kerana selain daripada struktur pentadbiran utama, masih terdapat lagi bayang-bayang yang ada di mana-mana saja yang secara khususnya untuk mengintai mereka.

Roh perasuk, memerlukan pengawalan kerohanian mangsa yang dirasuki secara mutlak agar dapat memperoleh tenaga dan mempertahankan kewujudan dirinya.

Sains politik moden menganggap kekuasaan masyarakat berasal daripada tiga sumber, iaitu kekerasan, kekayaan dan ilmu pengetahuan. Komunis memonopoli dan tidak ragu-ragu menggunakan kekerasan untuk merampas harta masyarakat dan yang paling penting adalah merampas kebebasan bersuara dan kebebasan akhbar, merampas kebebasan rohaniah dan semangat masyarakat untuk mencapai tujuan mengawal kekuasaan masyarakat secara mutlak. Dapat dikatakan, pengawalan secara ketat oleh roh perasuk komunis China ini sukar dibandingkan dengan rejim mana-mana pun di dunia ini.

VII. Menilai Diri dan Menyingkirkan Perasukan PKC.

Dalam dokumen komunis pertama “*Manifesto Komunis*”, Marx menyatakan seperti berikut: “Pada tahun 1848, satu roh, roh komunis, sedang berkeliaran di Eropah”. Satu abad kemudian, komunis bukan lagi satu roh, tetapi benar-benar memiliki suatu tubuh material yang konkrit. Roh ini, dalam seratus tahun pada abad yang lalu, merebak ke seluruh dunia seperti suatu epidemik, membunuh puluhan juta nyawa, merampas harta benda ratusan juta orang dan malahan juga kebebasan rohani dan roh asal mereka.

Rukun awal Parti Komunis, adalah merampas kesemua harta milik peribadi untuk membasmi “kelas eksploitasi”. Harta milik peribadi seseorang ialah asas kepada kesemua hak-hak sosial masyarakat, dan sering kali juga adalah bahagian yang paling penting dalam tumpangan pembawa kebudayaan bangsa. Rakyat jelata yang telah dirampas harta peribadinya, sudah tentu kebebasan kerohanian dan semangatnya juga dirampas, sehingga pada akhirnya kehilangan kebebasan untuk memperoleh hak-hak sosial dan politik.

Menghadapi krisis mempertahankan kewujudannya, Parti Komunis China terpaksa mengadakan reformasi ekonomi pada tahun 1980. Sebahagian daripada hak milik peribadi dikembalikan kepada orang-orang umum. Langkah ini telah menghasilkan lubang kebocoran pertama dalam mesin pengawalan kekuasaan politik PKC yang sangat besar dan rumit, dan sampai hari ini, lubang ini makin lama makin membesar, berkembang menjadi peragutan harta secara gila-gilaan buat seluruh anggota pegawai PKC.

PKC roh jahat yang disokong dengan kekerasan dan kebohongan ini, tanpa hentinya mengubah penampilan luarnya, namun begitu dalam beberapa tahun ini kereputannya sudah terlonjak, malah resah apabila menghadapi sedikit sahaja gangguan. Percubaan untuk menyelamatkan dirinya dengan meragut harta dan kekuasaan semakin membabi buta, namun menambah selangkah lebih parah lagi ke ambang pintu krisis.

China masa kini nampak makmur, namun krisis sosialnya telah tertimbus sehingga mencapai tahap yang belum pernah terlihat sebelumnya. Menurut kebiasaan PKC, kemungkinan akan sekali lagi menggunakan taktik politik masa-masa lalu, termasuk sekali lagi melakukan kompromi dan pengunduran sampai tahap tertentu, melakukan penebusan serta pemulihan reputasi dan imej terhadap ahli-ahli gerakan pro-demokrasi Lapangan Tiananmen atau Falun Gong, ataupun menciptakan ‘sekelompok kecil’ musuh yang dipilihnya, agar seterusnya dapat menunjuk-nunjuk penggunaan kekuatan keganasannya.

Menghadapi cabaran dalam beberapa ratus tahun ini, bangsa Cina telah bereaksi dengan bermula daripada pengimportan senjata, gerakan kebaratan, pembentukan sistem institusi baru, sehinggalah revolusi yang melampau dan kejam; mengorbankan banyak jiwa, kehilangan sebahagian besar kebudayaan tradisional China, kini sudah terbukti bahawa adalah reaksi yang gagal. Apabila perasaan dendam dan kemarahan menguasai rakyat China, Parti Komunis mengambil kesempatan masuk dan pada akhirnya mengawal bangsa yang masih mewarisi peradaban kuno di muka bumi ini.

Dalam krisis yang akan datang, orang-orang Cina tidak dapat elak daripada membuat pilihan. Walaupun apa pilihan yang dibuat, seluruh rakyat Cina harus faham dan sedar bahawa sebarang angan-angan pun yang diharapkan kepada PKC akan hanya memperparah lagi bencana yang ditimpa kepada bangsa Cina dan menyalurkan tenaga baru kepada roh jahat perasuk tubuh PKC itu.

Kita mesti buang semua angan-angan, menilai diri secara menyeluruh tanpa dipengaruhi oleh perasaan dendam, tampak atau bernafsu. Barulah mungkin dapat melepaskan diri secara sepenuhnya daripada roh perasuk dan mimpi buruk yang membayangi selama lebih daripada 50 tahun. Dengan kebebasan bangsa itu sendiri, sekali lagi dapat membina dan mencipta peradaban Cina yang berlandaskan sifat kasih sayang dan peri kemanusiaan kepada semua.

Nota:

[1] Reformasi Seratus Hari merupakan satu reformasi selama 103 hari dari 11 Jun hingga 21 September 1898. Guangxu, Maharaja Dinasti Qing (1875-1908), mengarahkan satu siri perubahan yang menuntut perubahan sosial dan institusi secara menyeluruh. Pertentangan adalah hebat di kalangan elit pemerintahan konservatif. Disokong oleh pihak konservatif melampau dan juga tanda setuju daripada oportunis politik Yuan Shikai, Maharani Balu Cixi telah merancang satu rampasan kuasa pada 21 September 1898, memaksa Maharaja Guangsu yang muda dan berjiwa reformasi ke dalam situasi dipulaukan. Cixi selepas itu mengambil alih pemerintahan sebagai regen (pemangku raja). Reformasi Seratus Hari berakhir dengan pemansuhan perintah yang baru dilaksanakan, dan pelaksanaan hukuman ke atas enam orang ketua peguam reformasi.

[2] Reformasi Xinhai (ataupun Reformasi Hsinhai, 10 Oktober 1911 sehingga 12 Februari 1912), dinamakan atas calendar Cina tahun Xinhai (1911), telah digulingkan oleh Dinasti Qing dan penubuhan Republik China.

[3] Gerakan 4 Mei merupakan gerakan raksasa yang pertama dalam sejarah Cina moden, bermula dari 4 Mei 1919.

[4] Daripada <http://eserver.org/marx/1848-communist.manifesto/cm4.txt>.

[5] Surat Mao Zedong kepada isterinya Jiang Qing (1966).

[6] Informasi daripada <http://www.debates.org/pages/trans2004a.html>.

[7] Dao De Jing, bab 25.

[8] Daripada <http://eserver.org/marx/1848-communist.manifesto/cm4.txt>.